

Kertas Perintah 16 Tahun 2010

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**ANGGARAN HASIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2011**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

KANDUNGAN
CONTENTS

**MUKA
SURAT**
PAGE

Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011	1
Penjenisan Hasil.....	1
Semakan Semula Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2010.....	2
Hasil Cukai	
Cukai Langsung.....	3
Cukai Tidak Langsung.....	4
Hasil Bukan Cukai.....	6
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	7
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011.....	7
Hasil Cukai	
Cukai Langsung.....	7
Cukai Tidak Langsung.....	8
Hasil Bukan Cukai.....	10
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	11
Lampiran A1-A3	12
 Treasury Memorandum On The Federal Government's Revenue Estimates For The Year 2011.....	 21
Classification Of Revenue.....	21
Review Of Federal Government's Revenue For The Year 2010.....	22
Tax Revenue	
Direct Taxes.....	23
Indirect Taxes	24
Non-Tax Revenue.....	26
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	27
Estimates Of Federal Government's Revenue For 2011	27
Tax Revenue	
Direct Taxes.....	27
Indirect Taxes	28
Non-Tax Revenue.....	30
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	31
Appendix A1-A3	32
 Pro-forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2010	
<i>Pro-forma Balance Sheet As At 31 December 2010</i>	<i>41</i>
 Ringkasan Anggaran Hasil Malaysia Bagi Tahun 2011	
<i>Abstract Of The Estimates Revenue Of Malaysia For The Year 2011</i>	<i>45</i>
 Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2011	
<i>Details Of Estimated Revenue For The Year 2011</i>	<i>47</i>
 Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian	
<i>Total Revenue After Tax Measures</i>	<i>121</i>

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011 dan semakan hasil bagi tahun 2010. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.

2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011 dianggarkan berjumlah **RM165,825** juta. Jumlah ini belum mengambil kira pertambahan hasil daripada langkah percukaian dalam Bajet 2011 yang dianggarkan sebanyak **RM97** juta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tahun 2011, anggaran asal dan disemak bagi tahun 2010 dan pungutan sebenar tahun 2009 masing-masing adalah seperti di **Lampiran A1 hingga A3**.

PENJENISAN HASIL

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada 4 kategori umum iaitu **Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil** dan **Hasil Daripada Wilayah Persekutuan**.

4. *Hasil Cukai* dikelaskan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. *Hasil Cukai Langsung* termasuklah hasil daripada:

- a. cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi);
- b. duti setem;
- c. cukai keuntungan harta tanah; dan
- d. cukai aktiviti perniagaan Labuan.

Hasil Cukai Tidak Langsung pula termasuk hasil daripada duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.

5. *Hasil Bukan Cukai* terdiri daripada:

- a. lesen dan permit (merangkumi semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan termasuk royalti daripada petroleum dan lain-lain perusahaan bagi tujuan kawalan atau peraturan dan lesen kenderaan bermotor);
- b. bayaran perkhidmatan (merangkumi terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam);
- c. perolehan daripada jualan barang (merangkumi terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis untuk orang awam);
- d. sewaan;
- e. faedah dan perolehan daripada pelaburan (merangkumi faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan, faedah bank, dividen yang diperolehi daripada bon atau saham dan perolehan daripada jualan pelaburan);
- f. denda dan penalti; dan
- g. sumbangan dan bayaran ganti rugi/pampasan daripada dalam dan luar negara.

6. *Terimaan Bukan Hasil* termasuk:

- a. pulang balik perbelanjaan (merangkumi terimaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan daripada tahun lepas, pulang balik gaji kerana perletakan jawatan dan pulang balik perbelanjaan latihan);
- b. kredit antara jabatan (merangkumi pindahan dana di antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi Kerajaan);
- c. pulang balik bagi bayaran berlebihan atau kekhilafan bayaran dalam tahun fiskal yang lalu;
- d. bayaran balik; dan
- e. sumbangan daripada jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan.

7. Hasil daripada Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium, cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

SEMAKAN SEMULA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2010

8. Hasil Kerajaan Persekutuan disemak bagi tahun 2010 dijangka bertambah sebanyak RM7,571 juta atau 5% kepada RM162,131 juta berbanding anggaran asal 2010 yang berjumlah RM154,560 juta. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan anggaran hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan yang masing-masing sebanyak RM9,478 juta, RM255 juta dan RM108 juta serta penurunan hasil cukai dijangka sebanyak RM2,270 juta. Dibandingkan dengan kutipan sebenar tahun 2009 sebanyak RM158,639 juta, jumlah hasil disemak tahun 2010 dijangka meningkat sebanyak RM3,492 juta atau 2% kepada RM162,131 juta. Peningkatan ini merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai dan hasil daripada Wilayah Persekutuan masing-masing sebanyak RM588 juta, RM3,051 juta dan RM146 juta. Manakala kutipan terimaan bukan hasil dijangka berkurangan sebanyak RM293 juta. Hasil cukai bagi tahun 2010 dijangka menyumbang sebanyak 66% kepada jumlah hasil, sementara hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan sebanyak 34%. Penyumbang utama peningkatan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 adalah dijangka daripada faedah dan perolehan daripada pelaburan iaitu:

- a. jualan saham dalam Telekom Malaysia Berhad sebanyak RM1,200 juta;
- b. jualan saham dalam Bursa Malaysia Berhad sebanyak RM507 juta;
- c. jualan aset sebanyak RM500 juta;
- d. penswastan Penang Port Sdn. Bhd. sebanyak RM350 juta; dan
- e. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM300 juta.

9. Anggaran hasil disemak ini dipengaruhi oleh unjuran pertumbuhan ekonomi dan beberapa andaian berikut:

- a. unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 7.0% dalam tahun 2010 berbanding unjuran pertumbuhan asal pada kadar 2.5% dalam Bajet 2010;
- b. unjuran purata harga minyak mentah (Tapis) sebanyak USD80.00 setong dalam tahun 2010 berbanding anggaran asal sebanyak USD75.00 setong; dan
- c. pengukuhan Ringgit Malaysia kepada anggaran RM3.29 bagi setiap dolar AS dalam tahun 2010 berbanding unjuran asal sebanyak RM3.39 bagi setiap dolar AS.

10. Ringkasan anggaran disemak berbanding anggaran asal tahun 2010 bagi hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Ringkasan Komponen Utama Hasil

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Asal	2010 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	109,362	107,092	(2,270)	(2)
Hasil Bukan Cukai	44,362	53,840	9,478	21
Terimaan Bukan Hasil	520	775	255	49
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	316	424	108	34
JUMLAH HASIL	154,560	162,131	7,571	5

Cukai Langsung

11. Anggaran hasil cukai langsung disemak bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 2**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sejumlah RM76,156 juta iaitu 71% daripada jumlah hasil cukai atau 47% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 2
Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Asal	2010 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	77,639	72,024	(5,615)	(7)
Individu	15,244	18,775	3,531	23
Syarikat	35,689	33,248	(2,441)	(7)
Petroleum	25,047	18,286	(6,761)	(27)
Pegangan	1,330	1,254	(76)	(6)
Koperasi	314	446	132	42
Lain-lain	15	15	0	0
LAIN-LAIN CUKAILANGSUNG	3,621	4,132	511	14
Duti Setem	3,297	4,053	756	23
Lain-lain	324	79	(245)	(76)
CUKAI LANGSUNG	81,260	76,156	(5,104)	(6)

12. Bagi tahun 2010, anggaran hasil disemak ke atas *cukai pendapatan* dijangka mencapai RM72,024 juta, iaitu 7% lebih rendah daripada anggaran asal berjumlah RM77,639 juta dan 4% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM74,917 juta. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 67% kepada hasil cukai yang mana komponen utama adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak 31%, cukai pendapatan individu sebanyak 18% dan cukai pendapatan petroleum sebanyak 17%.

13. Anggaran hasil disemak bagi *cukai pendapatan syarikat* dijangka sebanyak RM33,248 juta iaitu 7% lebih rendah daripada anggaran asal 2010 yang berjumlah RM35,689 juta tetapi 10% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM30,199 juta. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh faktor berikut:

- a. jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 7.0% bagi tahun 2010; dan
- b. peruntukan bayaran balik cukai menurun kepada RM8,000 juta berbanding RM10,000 juta pada tahun 2009.

14. *Cukai pendapatan individu* pula dijangka meningkat sebanyak 23% kepada RM18,775 juta berbanding anggaran asal tahun 2010 yang berjumlah RM15,244 juta dan 20% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM15,590 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada kenaikan hasil daripada cukai pendapatan individu adalah seperti berikut:

- a. pengemaskinian potongan di bawah Potongan Cukai Bulanan (PCB) oleh majikan;
- b. pematuan yang tinggi oleh pembayar cukai kesan daripada aktiviti audit yang kerap; dan
- c. penyiasaan yang lebih terperinci oleh pihak berkuasa cukai.

15. Hasil daripada *cukai pendapatan petroleum* yang dikenakan cukai berdasarkan kaedah tahun semasa dijangka menurun 27% kepada RM18,286 juta dalam tahun 2010 berbanding anggaran asal sebanyak RM25,047 juta dan 33% lebih rendah berbanding pungutan sebenar sebanyak RM27,231 juta dalam tahun 2009. Penurunan ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. perubahan sistem taksiran daripada kaedah tahun sebelumnya kepada kaedah tahun semasa di mana kutipan cukai pendapatan petroleum bagi tahun 2010 adalah berdasarkan pendapatan dalam tahun 2010 manakala kutipan cukai pendapatan petroleum bagi tahun 2009 adalah berdasarkan pendapatan dalam tahun 2008;
- b. cukai pendapatan petroleum bagi tahun taksiran 2010 berdasarkan kaedah tahun sebelumnya dibenarkan bayaran ansuran selama 60 bulan;
- c. bagi tahun 2010, anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) adalah sebanyak USD80.00 setong berbanding USD103.69 setong pada tahun 2008;
- d. jumlah pengeluaran minyak mentah dalam tahun 2010 dijangka menurun kepada 641,400 tong sehari berbanding 690,000 tong sehari dalam tahun 2008; dan
- e. pengukuhan Ringgit Malaysia kepada anggaran RM3.29 bagi setiap dolar AS dalam tahun 2010 berbanding RM3.33 bagi setiap dolar AS dalam tahun 2008.

Lain-lain Cukai Langsung

16. Hasil *lain-lain cukai langsung* yang terdiri daripada duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain cukai dijangka meningkat kepada RM4,132 juta bagi tahun 2010. Jumlah tersebut adalah 14% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM3,621 juta dan 19% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2009 berjumlah RM3,458 juta. Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tahun 2010.

Cukai Tidak Langsung

17. Anggaran hasil disemak *cukai tidak langsung* bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 3**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM30,936 juta, iaitu 29% daripada jumlah hasil cukai dan 19% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 3

Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Asal	2010 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	1,460	2,041	581	40
Duti Import	1,725	2,099	374	22
Duti Eksais	10,291	11,835	1,544	15
Cukai Jualan	7,778	8,241	463	6
Cukai Perkhidmatan	3,961	3,965	4	0
Levi	157	275	118	75
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,730	2,480	(250)	(9)
CUKAI TIDAK LANGSUNG	28,102	30,936	2,834	10

Duti Eksport

18. Bagi tahun 2010, hasil disemak daripada *duti eksport* dijangka berjumlah RM2,041 juta, iaitu 40% lebih tinggi daripada anggaran asal bagi tahun 2010 yang berjumlah RM1,460 juta dan 77% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM1,152 juta. Hasil disemak daripada *duti eksport* minyak mentah dijangka meningkat 41% kepada RM1,991 juta berbanding anggaran asal bagi tahun 2010 yang berjumlah RM1,410 juta dan 80% lebih tinggi daripada pungutan sebenar berjumlah RM1,104 juta dalam tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. purata harga minyak mentah (Tapis) dijangka sebanyak USD80.00 setong pada tahun 2010 berbanding USD65.42 setong pada tahun 2009; dan
- b. kuantiti eksport minyak mentah dijangka meningkat kepada 17.5 juta tan metrik dalam tahun 2010 berbanding 16.4 juta tan metrik pada tahun 2009.

Duti Import dan Duti Eksais

19. Hasil disemak ke atas *duti import* bagi tahun 2010 dijangka berjumlah RM2,099 juta, iaitu 22% lebih tinggi berbanding anggaran asal 2010 yang berjumlah RM1,725 juta tetapi 1% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM2,114 juta. Hasil daripada *duti eksais* untuk tahun 2010 juga dijangka meningkat sebanyak 15% kepada RM11,835 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM10,291 juta dan 18% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM10,068 juta. Peningkatan anggaran disemak ke atas *duti eksais* berbanding anggaran asal tahun 2010 adalah dipengaruhi oleh peningkatan permintaan untuk kenderaan bermotor dan minuman keras.

20. Hasil daripada *duti import* ke atas *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat 61% kepada RM554 juta berbanding anggaran asal 2010 berjumlah RM344 juta dan 25% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM444 juta. Hasil *duti eksais* ke atas kenderaan penumpang dijangka meningkat 19% kepada RM5,198 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM4,383 juta dan 23% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM4,214 juta. Ini adalah kerana permintaan terhadap kenderaan baru telah bertambah sebanyak 19.8% bagi tempoh Januari hingga Jun 2010 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009.

21. Hasil disemak daripada *duti import* ke atas minuman keras dan malt dijangka meningkat sebanyak 43% kepada RM67 juta dalam tahun 2010 berbanding dengan anggaran asal 2010 sebanyak RM47 juta dan 8% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM62 juta. Manakala hasil daripada *duti eksais* ke atas barangan yang sama dianggarkan berjumlah RM1,253 juta, iaitu 6% lebih tinggi daripada anggaran asal 2010 yang berjumlah RM1,177 juta tetapi 1% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM1,268 juta.

22. Hasil daripada *duti import* ke atas tembakau, rokok dan cerut pula dijangka berkurangan sebanyak 30% daripada anggaran asal yang berjumlah RM69 juta kepada RM48 juta pada tahun 2010 dan 36% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM75 juta. Walau bagaimanapun, hasil disemak tahun 2010 bagi *duti eksais* ke atas barangan yang sama dijangka berjumlah RM2,870 juta, iaitu 1% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM2,839 juta. Berikutan peningkatan kadar *duti eksais* ke atas rokok sebanyak 1 sen sebatang pada 1 Oktober 2009, hasil daripada rokok import dijangka berkurangan sebanyak 26% manakala hasil daripada rokok tempatan dijangka meningkat sebanyak 1% berbanding kutipan tahun 2009. Walau bagaimanapun, kutipan *duti eksais* keseluruhan dijangka meningkat kerana permintaan yang tinggi ke atas kenderaan bermotor dan minuman keras.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

23. Anggaran hasil *cukai jualan* disemak dijangka meningkat kepada RM8,241 juta, iaitu 6% lebih tinggi daripada anggaran asal 2010 berjumlah RM7,778 juta tetapi 4% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM8,603 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan kutipan cukai jualan ke atas petrol dan diesel.

24. Hasil disemak daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat kepada RM3,965 juta berbanding anggaran asal 2010 berjumlah RM3,961 juta dan meningkat 19% berbanding kutipan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM3,344 juta. Peningkatan dalam anggaran disemak bagi cukai perkhidmatan berbanding kutipan sebenar tahun 2009 adalah disebabkan oleh kutipan cukai ke atas kad kredit dan kad caj serta jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2010.

Levi

25. Hasil disemak *levi* dijangka meningkat 75% kepada RM275 juta berbanding anggaran asal 2010 berjumlah RM157 juta tetapi 37% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM438 juta. Bagi tahun 2010, baki bayaran *one-off* bagi menggantikan levi keuntungan luar biasa ke atas Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) dianggarkan sebanyak RM110 juta.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

26. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* bagi tahun 2010 dijangka berjumlah RM2,480 juta, iaitu penurunan sebanyak 9% daripada anggaran asal 2010 tetapi 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM2,410 juta.

Hasil Bukan Cukai

27. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4**. Hasil bukan cukai dijangka menyumbang sebanyak RM53,840 juta iaitu 33% daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2010. Jumlah ini adalah 21% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM44,362 juta dan 6% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM50,789 juta. Peningkatan anggaran hasil bukan cukai ini disebabkan oleh hasil disemak bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* yang dijangka meningkat kepada RM39,458 juta, iaitu 22% lebih tinggi daripada anggaran asal 2010 berjumlah RM32,322 juta dan 6% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM37,394 juta. Antara hasil bagi faedah dan perolehan daripada pelaburan yang dijangka diterima dalam tahun 2010 adalah seperti berikut:

- a. dividen daripada PETRONAS kekal sebanyak RM30,000 juta;
- b. penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan tahun 2009 sebanyak RM4,200 juta;
- c. dividen daripada Bank Negara Malaysia sebanyak RM2,000 juta;
- d. jualan saham dalam Telekom Malaysia Berhad sebanyak RM1,200 juta;
- e. jualan saham dalam Bursa Malaysia Berhad sebanyak RM507 juta;
- f. penswastan Penang Port Sdn. Bhd. sebanyak RM350 juta; dan
- g. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM300 juta.

Jadual 4

Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Asal	2010 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	9,305	10,239	934	10
Bayaran Perkhidmatan	916	1,197	281	31
Perolehan Jualan Barang	69	602	533	772
Sewaan	192	196	4	2
Faedah & Perolehan Pelaburan	32,322	39,458	7,136	22
Denda dan Penalti	667	898	231	35
Lain-lain	891	1,250	359	40
HASIL BUKAN CUKAI	44,362	53,840	9,478	21

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

28. Hasil disemak 2010 bagi *terimaan bukan hasil* dijangka berjumlah RM775 juta, iaitu 49% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM520 juta tetapi 27% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM1,068 juta. Peningkatan anggaran hasil disemak bagi terimaan bukan hasil berbanding anggaran asal 2010 adalah disebabkan oleh terimaan hasil ekoran penutupan Tabung Penyelarasan Industri yang berjumlah RM219 juta. *Hasil dari Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM424 juta, iaitu 34% lebih tinggi berbanding dengan anggaran asal 2010 yang berjumlah RM316 juta dan 53% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2009 yang berjumlah RM278 juta.

ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

29. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2011, sebelum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Bajet 2011, dianggarkan berjumlah RM165,825 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM162,131 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan oleh faktor berikut:

- jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2011;
- jangkaan purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi iaitu USD85.00 setong berbanding USD80.00 setong dalam tahun 2010; dan
- jualan aset sebanyak RM2,400 juta dalam tahun 2011.

30. Bagi tahun 2011, *cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM83,983 juta atau 51% daripada jumlah keseluruhan hasil manakala hasil *cukai tidak langsung* pula dijangka berjumlah RM31,518 juta atau 19% daripada jumlah keseluruhan hasil. Ini bermakna hasil cukai dijangka menyumbang sebanyak RM115,501 juta atau 70% daripada hasil Kerajaan Persekutuan. Sumbangan *hasil bukan cukai* dianggarkan berjumlah RM49,338 juta atau 29% daripada keseluruhan hasil manakala bakinya berjumlah RM986 juta atau 1% merupakan *terimaan bukan hasil* dan *hasil daripada Wilayah Persekutuan*. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan anggaran hasil tahun 2011 dengan anggaran disemak 2010 adalah seperti di **Lampiran A3**.

Jadual 5

Ringkasan Komponen Utama Hasil

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Disemak	2011 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	107,092	115,501	8,409	8
Hasil Bukan Cukai	53,840	49,338	(4,502)	(8)
Terimaan Bukan Hasil	775	555	(220)	(28)
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	424	431	7	2
JUMLAH HASIL	162,131	165,825	3,694	2

Cukai Langsung

31. Anggaran hasil *cukai langsung* bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 6**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM83,983 juta iaitu 73% daripada jumlah hasil cukai atau 51% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 6

Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Disemak	2011 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	72,024	79,718	7,694	11
Individu	18,775	19,867	1,092	6
Syarikat	33,248	36,210	2,962	9
Petroleum	18,286	21,786	3,500	19
Pegangan	1,254	1,385	131	10
Koperasi	446	454	8	2
Lain-lain	15	16	1	7
LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG	4,132	4,265	133	3
Duti Setem	4,053	4,184	131	3
Lain-lain	79	81	2	3
CUKAI LANGSUNG	76,156	83,983	7,827	10

32. Anggaran *cukai pendapatan* bagi tahun 2011 dijangka berjumlah RM79,718 juta, iaitu 11% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 berjumlah RM72,024 juta. Peningkatan ini adalah berikutan jangkaan kutipan semua komponen cukai langsung yang lebih tinggi pada tahun 2011.

33. Anggaran *cukai pendapatan syarikat* bagi tahun 2011 dijangka berjumlah RM36,210 juta, iaitu 9% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM33,248 juta selepas mengambilkira peruntukan pulangan cukai sebanyak RM7,000 juta bagi tahun 2011. *Cukai pendapatan individu* dianggarkan meningkat kepada RM19,867 juta atau 6% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM18,775 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2011.

34. Anggaran *cukai pendapatan petroleum* bagi tahun 2011 pula dijangka meningkat sebanyak 19% kepada RM21,786 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM18,286 juta. Anggaran hasil bagi tahun 2011 yang lebih tinggi adalah disebabkan jangkaan peningkatan purata harga minyak mentah (Tapis) daripada USD80.00 setong pada tahun 2010 kepada USD85.00 setong pada tahun 2011. Anggaran ini juga selepas mengambilkira jumlah bayaran ansuran yang akan diterima dalam tahun 2011 bagi cukai pendapatan tahun taksiran 2010 berdasarkan kaedah tahun sebelumnya yang dibenarkan bayaran ansuran selama 60 bulan.

Lain-lain Cukai Langsung

35. Hasil daripada *duti setem* dijangka menyumbang sebanyak RM4,184 juta pada tahun 2011. Jumlah ini adalah 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM4,053 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2011.

Cukai Tidak Langsung

36. Anggaran hasil *cukai tidak langsung* bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 7**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM31,518 juta, iaitu 27% daripada jumlah hasil cukai atau 19% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 7

Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Disemak	2011 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,041	2,195	154	8
Duti Import	2,099	2,108	9	0
Duti Eksais	11,835	12,026	191	2
Cukai Jualan	8,241	8,411	170	2
Cukai Perkhidmatan	3,965	4,125	160	4
Levi	275	148	(127)	(46)
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,480	2,505	25	1
CUKAI TIDAK LANGSUNG	30,936	31,518	582	2

Duti Eksport

37. Hasil daripada *duti eksport* ke atas komoditi dijangka sebanyak RM2,195 juta, iaitu 8% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM2,041 juta. Hasil daripada duti eksport ke atas *minyak mentah* dijangka meningkat 7% kepada RM2,136 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM1,991 juta. Jangkaan ini berdasarkan anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi dalam tahun 2011 iaitu USD85.00 setong berbanding USD80.00 setong pada tahun 2010.

Duti Import dan Duti Eksais

38. Hasil daripada *duti import* dalam tahun 2011 dijangka meningkat kepada RM2,108 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM2,099 juta ekoran jangkaan permintaan yang kukuh ke atas kenderaan import. Hasil daripada duti eksais bagi tahun 2011 pula dijangka meningkat 2% kepada RM12,026 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM11,835 juta. Kenaikan kutipan duti eksais ini berikutan peningkatan permintaan ke atas rokok, minuman keras dan kenderaan bermotor.

39. Kutipan duti import bagi *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat 1% kepada RM557 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM554 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh jangkaan peningkatan permintaan ke atas kenderaan CKD dan CBU khususnya dari negara ASEAN ekoran penurunan kadar duti import berikutan komitmen negara di bawah Perjanjian mengenai Skim Tarif Keutamaan Sama Rata bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Di samping itu, duti eksais ke atas kenderaan bermotor pula dijangka meningkat 1% kepada RM5,232 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM5,198 juta. Permintaan ke atas kenderaan buatan tempatan juga dijangka meningkat dalam tahun 2011.

40. Hasil daripada duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka tidak berubah berbanding anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM67 juta. Sebaliknya hasil daripada duti eksais ke atas *minuman keras dan malt* bagi tahun 2011 dianggarkan 2% lebih tinggi iaitu berjumlah RM1,273 juta berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM1,253 juta. Hasil daripada duti import ke atas *tembakau, cerut dan rokok* juga dijangka tidak berubah berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM48 juta. Anggaran duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka mencapai RM2,967 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM2,870 juta. Peningkatan anggaran hasil duti eksais ke atas tembakau, cerut dan rokok bagi tahun 2011 adalah disebabkan peningkatan kadar duti eksais ke atas barangan tersebut mulai 1 Oktober 2010.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

41. Hasil bagi *cukai jualan* dijangka meningkat kepada RM8,411 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM8,241 juta. Peningkatan ini adalah berdasarkan andaian peningkatan permintaan ke atas kenderaan dalam tahun 2011.

42. Hasil daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 4% kepada RM4,125 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM3,965 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan unjuran pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.0% - 6.0% dalam tahun 2011.

Levi

43. Tiada kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit dijangka bagi tahun 2011. Ini berdasarkan andaian purata harga CPO adalah sebanyak RM2,350 se tan berbanding dengan paras *threshold* RM2,500 se tan di Semenanjung dan RM3,000 se tan di Sabah dan Sarawak. Levi kenderaan barang dijangka menyumbang sebanyak RM148 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM145 juta.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

44. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* pada tahun 2011 dijangka berjumlah RM2,505 juta, iaitu meningkat sebanyak RM25 juta atau 1% daripada anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM2,480 juta.

Hasil Bukan Cukai

45. Anggaran bagi *hasil bukan cukai* tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 8**. Hasil bukan cukai dijangka menyumbang sebanyak RM49,338 juta atau 29% daripada jumlah hasil keseluruhan. Jumlah ini adalah 8% lebih rendah daripada anggaran disemak tahun 2010 sebanyak RM53,840 juta.

Jadual 8

Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2010 Anggaran Disemak	2011 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	10,239	10,012	(227)	(2)
Bayaran Perkhidmatan	1,197	1,245	48	4
Perolehan dari Jualan Barang	602	2,504	1,902	316
Sewaan	196	201	5	3
Faedah & Perolehan Pelaburan	39,458	33,174	(6,284)	(16)
Denda dan Penalti	898	920	22	2
Lain-lain	1,250	1,282	32	3
HASIL BUKAN CUKAI	53,840	49,338	(4,502)	(8)

46. Anggaran hasil 2011 bagi *perolehan dari jualan barang* dijangka sebanyak RM2,504 juta iaitu 316% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2010 yang berjumlah RM602 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan perolehan daripada jualan aset sebanyak RM2,400 juta. Manakala anggaran hasil 2011 bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* dijangka sebanyak RM33,174 juta, iaitu 16% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah

RM39,458 juta. *Dividen* daripada PETRONAS, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional Berhad masing-masing dijangka menyumbang sebanyak RM30,000 juta RM2,000 juta dan RM300 juta pada tahun 2011. Anggaran hasil bagi tahun 2011 untuk *lesen dan permit* dijangka sebanyak RM10,012 juta, iaitu 2% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 sebanyak RM10,239 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jangkaan royalti petroleum yang lebih rendah pada tahun 2011 ekoran jangkaan kuantiti pengeluaran yang lebih rendah dalam tahun 2011 iaitu 633,100 tong sehari berbanding 641,400 tong sehari dalam tahun 2010.

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

47. Bagi tahun 2011, jumlah *terimaan bukan hasil* dianggarkan sebanyak RM555 juta, iaitu menurun 28% berbanding anggaran disemak bagi tahun 2010 berjumlah RM775 juta. Penurunan ini disebabkan tiada terimaan daripada tabung amanah dalam tahun 2011. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM431 juta, iaitu peningkatan sebanyak 2% daripada anggaran disemak bagi tahun 2010 yang berjumlah RM424 juta.

Perbendaharaan Persekutuan
Kementerian Kewangan Malaysia
Oktober 2010

LAMPIRAN A1

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BAJET TAHUN 2010
(Selepas perubahan cukai)**

	2010 Anggaran Asal		2010 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1 HASIL CUKAI	109,362	71	107,092	66	(2,270)	(2)
CUKAI LANGSUNG	81,260	53	76,156	47	(5,104)	(6)
1.1 CUKAI PENDAPATAN	77,639	50	72,024	44	(5,615)	(7)
Cukai Pendapatan Individu	15,244	10	18,775	12	3,531	23
Cukai Pendapatan Syarikat	35,689	23	33,248	21	(2,441)	(7)
Cukai Pendapatan Petroleum	25,047	16	18,286	11	(6,761)	(27)
Cukai Pegangan	1,330	1	1,254	1	(76)	(6)
Cukai Pendapatan Koperasi	314	0	446	0	132	42
Lain-Lain	15	0	15	0	0	0
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	3,621	2	4,132	3	511	14
Duti Setem	3,297	2	4,053	2	756	23
Lain-Lain	324	0	79	0	(245)	(76)
CUKAI TIDAK LANGSUNG	28,102	18	30,936	19	2,834	10
1.3 DUTI EKSPORT	1,460	1	2,041	1	581	40
Minyak Mentah	1,410	1	1,991	1	581	41
Kelapa Sawit	42	0	39	0	(3)	(7)
Lain-lain	8	0	11	0	3	38
1.4 DUTI IMPORT	1,725	1	2,099	1	374	22
Minuman Keras dan Malt	47	0	67	0	20	43
Tembakau, Rokok & Cerut	69	0	48	0	(21)	(30)
Kenderaan CKD dan CBU	344	0	554	0	210	61
Lain-lain	1,265	1	1,430	1	165	13
1.5 DUTI EKSAIS	10,291	7	11,835	7	1,544	15
Minuman Keras dan Malt	1,177	1	1,253	1	76	6
Tembakau, Rokok & Cerut	3,015	2	2,870	2	(145)	(5)
Kenderaan Bermotor	4,383	3	5,198	3	815	19
Lain-lain	1,716	1	2,514	2	798	47

LAMPIRAN A1 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BAJET TAHUN 2010 - (Samb.)
(Selepas perubahan cukai)**

		2010 Anggaran Asal		2010 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	7,778	5	8,241	5	463	6
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	3,961	3	3,965	2	4	0
1.8	LEVI	157	0	275	0	118	75
	Buah Kelapa Sawit	0	0	20	0	20	100
	Elektrik	0	0	110	0	110	100
	Kenderaan Barang	157	0	145	0	(12)	(8)
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,730	2	2,480	2	(250)	(9)
2	HASIL BUKAN CUKAI	44,362	29	53,840	33	9,478	21
2.1	LESEN DAN PERMIT	9,305	6	10,239	6	934	10
	Royalti Petroleum	3,810	2	4,855	3	1,045	27
	Lesen Kenderaan Bermotor	1,806	1	1,973	1	167	9
	Lain-lain	3,689	2	3,411	2	(278)	(8)
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	916	1	1,197	1	281	31
2.3	PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	69	0	602	0	533	772
2.4	SEWAAN	192	0	196	0	4	2
2.5	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	32,322	21	39,458	24	7,136	22
	Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	19	0	0
	Dividen Bank Negara	1,500	1	2,000	1	500	33
	Lain-lain	822	1	7,458	5	6,636	807
2.6	DENDA DAN PENALTI	667	0	898	1	231	35
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	891	1	1,250	1	359	40
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	520	0	775	0	255	49
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	316	0	424	0	108	34
JUMLAH HASIL		154,560	100	162,131	100	7,571	5

LAMPIRAN A2

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2009**

		2009 Penerimaan Sebenar		2010 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	106,504	67	107,092	66	588	1
	CUKAI LANGSUNG	78,375	49	76,156	47	(2,219)	(3)
1.1	CUKAI PENDAPATAN	74,917	47	72,024	44	(2,893)	(4)
	Cukai Pendapatan Individu	15,590	10	18,775	12	3,185	20
	Cukai Pendapatan Syarikat	30,199	19	33,248	21	3,049	10
	Cukai Pendapatan Petroleum	27,231	17	18,286	11	(8,945)	(33)
	Cukai Pegangan	1,328	1	1,254	1	(74)	(6)
	Cukai Pendapatan Koperasi	546	0	446	0	(100)	(18)
	Lain-Lain	23	0	15	0	(8)	(35)
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	3,458	2	4,132	3	674	19
	Duti Setem	3,349	2	4,053	2	704	21
	Lain-Lain	109	0	79	0	(30)	(28)
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	28,129	18	30,936	19	2,807	10
1.3	DUTI EKSPORT	1,152	1	2,041	1	889	77
	Minyak Mentah	1,104	1	1,991	1	887	80
	Kelapa Sawit	38	0	39	0	1	3
	Lain-lain	10	0	11	0	1	10
1.4	DUTI IMPORT	2,114	1	2,099	1	(15)	(1)
	Minuman Keras dan Malt	62	0	67	0	5	8
	Tembakau, Rokok & Cerut	75	0	48	0	(27)	(36)
	Kenderaan CKD dan CBU	444	0	554	0	110	25
	Lain-lain	1,533	1	1,430	1	(103)	(7)
1.5	DUTI EKSAIS	10,068	6	11,835	7	1,767	18
	Minuman Keras dan Malt	1,268	1	1,253	1	(15)	(1)
	Tembakau, Rokok & Cerut	2,839	2	2,870	2	31	1
	Kenderaan Bermotor	4,214	3	5,198	3	984	23
	Lain-lain	1,747	1	2,514	2	767	44

LAMPIRAN A2 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2009 - (Samb.)**

		2009 Penerimaan Sebenar		2010 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	8,603	5	8,241	5	(362)	(4)
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	3,344	2	3,965	2	621	19
1.8	LEVI	438	0	275	0	(163)	(37)
	Buah Kelapa Sawit	16	0	20	0	4	25
	Elektrik	280	0	110	0	(170)	(61)
	Kenderaan Barang	143	0	145	0	2	1
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,410	2	2,480	2	70	3
2	HASIL BUKAN CUKAI	50,789	32	53,840	33	3,051	6
2.1	LESEN DAN PERMIT	10,686	7	10,239	6	(447)	(4)
	Royalti Petroleum	4,805	3	4,855	3	50	1
	Lesen Kenderaan Bermotor	1,856	1	1,973	1	117	6
	Lain-lain	4,025	3	3,411	2	(614)	(15)
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	949	1	1,197	1	248	26
2.3	PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	68	0	602	0	534	785
2.4	SEWAAN	181	0	196	0	15	8
2.5	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	37,394	24	39,458	24	2,064	6
	Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	19	0	0
	Dividen Bank Negara	1,500	1	2,000	1	500	33
	Lain-lain	5,894	4	7,458	5	1,564	27
2.6	DENDA DAN PENALTI	690	0	898	1	208	30
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	821	1	1,250	1	429	52
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	1,068	1	775	0	(293)	(27)
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	278	0	424	0	146	53
JUMLAH HASIL		158,639	100	162,131	100	3,492	2

LAMPIRAN A3

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN BAJET BAGI TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2010**

	2010 Anggaran Disemak		2011 Anggaran		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1 HASIL CUKAI	107,092	66	115,501	70	8,409	8
CUKAI LANGSUNG	76,156	47	83,983	51	7,827	10
1.1 CUKAI PENDAPATAN	72,024	44	79,718	48	7,694	11
Cukai Pendapatan Individu	18,775	12	19,867	12	1,092	6
Cukai Pendapatan Syarikat	33,248	21	36,210	22	2,962	9
Cukai Pendapatan Petroleum	18,286	11	21,786	13	3,500	19
Cukai Pegangan	1,254	1	1,385	1	131	10
Cukai Pendapatan Koperasi	446	0	454	0	8	2
Lain-Lain	15	0	16	0	1	7
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	4,132	3	4,265	3	133	3
Duti Setem	4,053	2	4,184	3	131	3
Lain-Lain	79	0	81	0	2	3
CUKAI TIDAK LANGSUNG	30,936	19	31,518	19	582	2
1.3 DUTI EKSPORT	2,041	1	2,195	1	154	8
Minyak Mentah	1,991	1	2,136	1	145	7
Kelapa Sawit	39	0	46	0	7	18
Lain-lain	11	0	13	0	2	18
1.4 DUTI IMPORT	2,099	1	2,108	1	9	0
Minuman Keras dan Malt	67	0	67	0	0	0
Tembakau, Rokok & Cerut	48	0	48	0	0	0
Kenderaan CKD dan CBU	554	0	557	0	3	1
Lain-lain	1,430	1	1,436	1	6	0
1.5 DUTI EKSAIS	11,835	7	12,026	7	191	2
Minuman Keras dan Malt	1,253	1	1,273	1	20	2
Tembakau, Rokok & Cerut	2,870	2	2,967	2	97	3
Kenderaan Bermotor	5,198	3	5,232	3	34	1
Lain-lain	2,514	2	2,554	2	40	2

LAMPIRAN A3 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN BAJET BAGI TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2010 - (Samb.)**

		2010 Anggaran Disemak		2011 Anggaran		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	8,241	5	8,411	5	170	2
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	3,965	2	4,125	2	160	4
1.8	LEVI	275	0	148	0	(127)	(46)
	Buah Kelapa Sawit	20	0	0	0	(20)	(100)
	Elektrik	110	0	0	0	(110)	(100)
	Kenderaan Barang	145	0	148	0	3	2
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,480	2	2,505	2	25	1
2	HASIL BUKAN CUKAI	53,840	33	49,338	30	(4,502)	(8)
2.1	LESEN DAN PERMIT	10,239	6	10,012	6	(227)	(2)
	Royalti Petroleum	4,855	3	4,411	3	(444)	(9)
	Lesen Kenderaan Bermotor	1,973	1	2,053	1	80	4
	Lain-lain	3,411	2	3,548	2	137	4
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,197	1	1,245	1	48	4
2.3	PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	602	0	2,504	2	1,902	316
2.4	SEWAAN	196	0	201	0	5	3
2.5	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	39,458	24	33,174	20	(6,284)	(16)
	Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	18	0	0
	Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
	Lain-lain	7,458	5	1,174	1	(6,284)	(84)
2.6	DENDA DAN PENALTI	898	1	920	1	22	2
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,250	1	1,282	1	32	3
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	775	0	555	0	(220)	(28)
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	424	0	431	0	7	2
JUMLAH HASIL		162,131	100	165,825	100	3,694	2

***ESTIMATES OF FEDERAL
GOVERNMENT'S REVENUE FOR
THE YEAR 2011***

**MINISTRY OF FINANCE
MALAYSIA**

**TREASURY MEMORANDUM ON THE FEDERAL GOVERNMENT'S
REVENUE ESTIMATES FOR THE YEAR 2011**

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2011 and the revised revenue for 2010. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of Federal Constitution.

2. The Federal Government's total revenue for 2011 is estimated at **RM165,825** million. This has not taken into account the increase in revenue arising from the tax measures introduced in the 2011 Budget that is estimated at **RM97** million. Detailed estimates of the revenue for 2011, the revised and original estimates for 2010 with that of the actual collection for 2009 are as in **Appendix A1 to A3**, respectively.

CLASSIFICATION OF REVENUE

3. The Federal Government's revenue is classified into 4 general categories, namely **Tax Revenue**, **Non-Tax Revenue**, **Non-Revenue Receipts** and **Revenue from Federal Territories**.

4. *Tax Revenue* is classified into Direct Tax Revenue and Indirect Tax Revenue. *Direct Tax Revenue* includes revenue from:

- a. income tax (individual, company, petroleum, withholding and cooperative);
- b. stamp duty;
- c. real property gains tax; and
- d. Labuan business activity tax.

Indirect Tax Revenue includes of revenue from export duties, import duties, excise duties, sales tax, service tax and levies.

5. *Non-Tax Revenue* consists of:

- a. licenses and permits (inclusive of all charges imposed on the granting of rights to individuals, corporations, businesses including petroleum royalty and other enterprises for purposes of regulation or control and motor vehicle licenses);
- b. service fees (inclusive of receipts from services rendered by the Federal Government to the public);
- c. proceeds from sales of goods (inclusive of receipts from the sales of physical assets owned by the Government including lands, buildings, office equipments, storage facilities and the sale of miscellaneous goods to the public);
- d. rentals;
- e. interests and proceeds on investments (inclusive of interests on loans granted by the Government, bank interests, dividends earned from bonds or shares and proceeds from sale of investments);
- f. fines and penalties; and
- g. contributions and compensations from local and abroad.

6. *Non-Revenue Receipts* include:

- a. refunds of expenditures (inclusive of receipts from the Consolidated Fund from the previous year, refund of salaries arising from resignations and refund of training expenses);
- b. inter-departmental credits (inclusive of transfer of funds between Ministries or Departments for services rendered between Government agencies);
- c. refunds of overpayment or erroneous payments in the previous fiscal year;
- d. reimbursements; and
- e. contributions from Government departments, statutory bodies or Government owned enterprises.

7. Revenue from the Federal Territories consists of tax and non-tax revenue including receipts from licenses and permits, premiums, quit rent, sale of assets, rental, service fees and entertainment duties.

REVIEW OF FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE FOR THE YEAR 2010

8. The revised total Federal Government's revenue for 2010 is expected to increase by RM7,571 million or 5% to RM162,131 million as compared to the 2010 original estimate of RM154,560 million. This is a result of increases in the estimate of non-tax revenue, non-revenue receipts and revenue from Federal Territories by RM9,478 million, RM255 million and RM108 million, respectively, and an estimated decrease in tax revenue by RM2,270 million. The revised total revenue in 2010 is expected to increase by RM3,492 million or 2% to RM162,131 million compared to the actual revenue collected in 2009 at RM158,639 million. The increase is due to increase in tax revenue, non-tax revenue and Federal Territories revenue by RM588 million, RM3,051 million and RM146 million, respectively. Meanwhile, revenue collection from non-revenue receipts is expected to decrease by RM293 million. Tax revenue for 2010 is expected to contribute 66% to the total revenue whereas non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue contribute 34%. The main contributors to the increase in the Federal Government's revenue in 2010 are expected from interest and proceeds on investment which are:

- a. divestment of shares in Telekom Malaysia Berhad at RM1,200 million;
- b. divestment of shares in Bursa Malaysia Berhad at RM507 million;
- c. monetisation of asset at RM500 million;
- d. privatisation of Penang Port Sdn. Bhd. at RM350 million; and
- e. dividend from Khazanah Nasional Berhad at RM300 million.

9. The revised estimates are influenced by the economic growth forecast and the following assumptions:

- a. Gross Domestic Production (GDP) is forecasted to grow by 7.0% in 2010 compared to the original growth forecast of 2.5% as announced in the 2010 Budget;
- b. forecast in the average price of crude oil (Tapis) is at USD80.00 per barrel in 2010 as compared to the original estimate at USD75.00 per barrel; and
- c. appreciation of Ringgit Malaysia estimated at RM3.29 for every US dollar in 2010 as compared to the original estimate of RM3.39 for every US dollar.

10. A summary of the revised estimates compared to original estimates for 2010 for tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue are as in **Table 1**.

Table 1
Summary Of Main Components Of Revenue

Revenue Classification	2010 Original Estimate	2010 Revised Estimate	Change	Percentage Of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
Tax Revenue	109,362	107,092	(2,270)	(2)
Non-Tax Revenue	44,362	53,840	9,478	21
Non-Revenue Receipts	520	775	255	49
Federal Territories Revenue	316	424	108	34
TOTAL REVENUE	154,560	162,131	7,571	5

Direct Taxes

11. The revised estimate for direct tax revenue for 2010 is provided in **Table 2**. *Direct Taxes* are expected to contribute RM76,156 million, which is 71% of the tax revenue or 47% of the overall total revenue.

Table 2
Direct Tax Revenue

Revenue Classification	2010 Original Estimate	2010 Revised Estimate	Change	Percentage Of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
INCOME TAXES	77,639	72,024	(5,615)	(7)
Individual	15,244	18,775	3,531	23
Company	35,689	33,248	(2,441)	(7)
Petroleum	25,047	18,286	(6,761)	(27)
Withholding	1,330	1,254	(76)	(6)
Cooperatives	314	446	132	42
Others	15	15	0	0
OTHER DIRECT TAXES	3,621	4,132	511	14
Stamp Duty	3,297	4,053	756	23
Others	324	79	(245)	(76)
DIRECT TAXES	81,260	76,156	(5,104)	(6)

12. In 2010, the revised estimate for *income tax* is expected to be at RM72,024 million, which is 7% lower than the original estimate of RM77,639 million and 4% lower than the actual collection of RM74,917 million in 2009. Income tax is expected to contribute 67% to tax revenue of which the main components are 31% from company income tax, 18% from individual income tax and 17% from petroleum income tax.

13. The revised revenue estimates for *company income tax* is expected at RM33,248 million, which is 7% lower than the 2010 original estimate of RM35,689 million but 10% higher than the actual collection of RM30,199 million in 2009. This increase is due to the following factors:

- a. GDP is expected to grow by 7.0% in 2010; and
- b. decrease in allocation for tax refunds to RM8,000 million compared to RM10,000 million in 2009.

14. *Individual income tax* is expected to increase by 23% to RM18,775 million compared to the original estimate of RM15,244 million in 2010 and 20% higher than the actual collection of RM15,590 million in 2009. Among the factors that contribute to the increase in individual income tax are as follows:

- a. updating of deductions under the Monthly Tax Deduction (MTD) by employers;
- b. higher level of tax compliance resulting from frequent audits; and
- c. more stringent investigations by the tax authority.

15. Revenue from *petroleum income tax*, which is taxed on a current year basis, is expected to decrease by 27% to RM18,286 million in 2010 compared to the original estimate of RM25,047 million and 33% lower than the actual collection of RM27,231 million in 2009. This decrease is due to the following factors:

- a. changes in the assessment system from preceding year basis to current year basis in which the petroleum income tax collected in 2010 is based on the income received in 2010 while petroleum income tax collected in 2009 is based on the income received in 2008;
- b. petroleum income tax for the year of assessment 2010 based on income received in 2009 is allowed to be paid in installments for 60 months;
- c. in 2010, estimates of average crude oil price (Tapis) is at USD80.00 per barrel compared to USD103.69 per barrel in 2008;
- d. total crude oil production in 2010 is expected to decrease to 641,400 barrels per day compared to 690,000 barrels per day in 2008; and
- e. appreciation of Ringgit Malaysia estimated at RM3.29 for every US Dollar in 2010 compared to RM3.33 for every US Dollar in 2008.

Other Direct Taxes

16. Revenue from *other direct taxes*, which comprise of stamp duty, real property gains tax and other taxes are expected to increase to RM4,132 million in 2010. This amount is 14% higher than the original estimate of RM3,621 million and 19% higher than the actual collection of RM3,458 million in 2009. The increase is due to strong economic growth in 2010.

Indirect Taxes

17. The revised revenue estimate for *indirect tax revenue* for 2010 is as in **Table 3**. Indirect tax is expected to contribute RM30,936 million, which is 29% of the total tax revenue and 19% of the total revenue.

Table 3

Indirect Tax Revenue

Revenue Classification	2010 Original Estimate	2010 Revised Estimate	Change	Percentage Of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
Export Duty	1,460	2,041	581	40
Import Duty	1,725	2,099	374	22
Excise Duty	10,291	11,835	1,544	15
Sales Tax	7,778	8,241	463	6
Service Tax	3,961	3,965	4	0
Levy	157	275	118	75
Other Indirect Taxes	2,730	2,480	(250)	(9)
INDIRECT TAXES	28,102	30,936	2,834	10

Export Duty

